

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

### Essential FlexiLink

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Essential FlexiLink. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi insurans berkaitan pelaburan (ILP) ini menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Ia membayar satu manfaat kematian secara sekali gus (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan Asas dan jumlah Nilai Dana) jika Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia semasa dalam tempoh polisi. Apabila Orang yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum mencapai umur 70 tahun, satu manfaat HUMK (iaitu Jumlah yang Diinsuranskan) akan dibayar secara sekali gus dan polisi akan terus berkuatkuasa. Caj-caj insurans atas manfaat-manfaat lain yang masih berkuatkuasa, rider dan fi polisi akan terus ditolak sehingga tamat tempoh rider masing-masing atau polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.

Nilai dana ILP ini bergantung pada harga unit dana yang dimana bergantung pada prestasi dana yang anda pilih. Terdapat 6 dana yang sedia ada untuk pilihan anda, setiap dana mempunyai objektif-objektif pelaburan dan profil risiko yang berbeza:

(i) Dana TokioMarine-Enterprise

Bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti yang senarai dalam Bursa Malaysia dan bursa saham luar negara.

(ii) Dana TokioMarine-Bond

Bertujuan untuk memberikan pengumpulan modal jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang berkualiti.

(iii) Dana TokioMarine-Managed

Satu dana yang diurus secara aktif bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham dan sekuriti pendapatan tetap melalui Dana TokioMarine-Enterprise dan Dana TokioMarine-Bond serta dalam mana-mana dana TokioMarine yang lain atau dana pihak ketiga yang mungkin ditawarkan pada masa hadapan.

(iv) Dana TokioMarine-Orient

Bertujuan untuk meningkatkan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif tunggal yang melabur secara terpilih dalam sekuriti, seperti ekuiti dan bon yang berkaitan, sama ada yang disenarai atau akan disenarai dalam pasaran ekuiti Asia yang bukan dari Jepun.

(v) TokioMarine-Dana Ikhtiar

Bertujuan untuk memberikan gabungan yang seimbang bagi pendapatan dan modal yang berpotensi berkembang dengan melalui pelaburan dalam saham yang tersenarai dalam Bursa Malaysia atau bursa saham yang lain, saham tidak tersenarai dan sekuriti hutang Islam dan aset lain yang tidak memberi faedah yang boleh diterima di bawah prinsip Shariah. Namun begitu, Insurans Essential FlexiLink bukan satu pelan yang mematuhi prinsip Shariah.

(vi) TokioMarine-Luxury Fund

Melabur dalam Dana RHB Leisure, Lifestyle & Luxury yang berpotensi mencapai peningkatan modal berjangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan ekuiti berkaitan sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang menyediakan barang dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam pasaran Riadah, Gaya Hidup dan Mewah, atau skim pelaburan kolektif yang mempunyai tujuan pelaburan yang sama.

**Sila rujuk Risalah Fakta Dana untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang dana-dana pelaburan.**

Polisi ini memberi opsyen premium tambahan seperti berikut:

(i) Premium Tambahan Tunggal

Satu opsyen yang membolehkan anda membayar satu kali premium bagi meningkatkan nilai dana anda.

(ii) Premium Tambahan Berkala

Satu opsyen yang membolehkan anda menentukan jumlah premium yang akan dibayar dengan kekerapan yang sama seperti premium asas untuk meningkatkan pulangan nilai dana anda.

Polisi ini boleh diserahkan pada bila-bila masa selepas ia mula berkuatkuasa. Nilai serahan adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana yang anda pilih.

#### 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi:

(i) Kematian - RM (iaitu jumlah yang diinsuranskan) tambah dengan jumlah nilai dana; atau

(ii) HUMK\* - RM (iaitu jumlah yang diinsuranskan); atau

(iii) Nilai serahan - Jumlah nilai dana; atau

(iv) Manfaat kematangan - RM (iaitu jumlah yang diinsuranskan) tambah dengan jumlah nilai dana.

**Dana yang dipilih:**

Dana-Dana	Peruntukan Dana (%)
TokioMarine-Bond Fund	100

**Peringatan:** Sila baca ilustrasi jualan yang merangkumi manfaat-manfaat produk dan objektif-objektif dana-dana berkaitan pelaburan. Adalah sangat penting supaya anda memilih pelan atau kombinasi dana-dana yang bersesuaian dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

Jika Orang yang Diinsuranskan berumur kurang daripada 5 tahun, jumlah yang diinsuranskan tertolak yang akan dibayar apabila berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan adalah seperti yang berikut:

Umur Ketika Kematian	Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan dibayar
30 hari hingga 1 tahun pada hari jadi berikut	20%
2 tahun pada hari jadi berikut	40%
3 tahun pada hari jadi berikut	60%
4 tahun pada hari jadi berikut	80%
5 tahun ke atas pada hari jadi berikut	100%

**\*Catatan**

- Manfaat HUMK akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun pada hari jadi berikut.
- Selepas tuntutan HUMK dibuat, Polisi akan terus berkuatkuasa dan caj insurans atas manfaat-manfaat lain atau rider-rider yang masih berkuatkuasa akan ditolak sehingga tamat tempoh perlindungan rider-rider yang berkenaan atau Polisi, mengikut mana-mana yang lebih awal.
- Maksimum jumlah yang diinsuranskan bagi HUMK tertakluk kepada RM3 juta bagi setiap hayat dibawah semua polisi yang dikeluarkan oleh kami.

Tempoh: Sehingga berlakunya kematian Orang yang Diinsuranskan, serahan, kematangan atau apabila nilai-nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj-caj yang dikenakan, mengikut mana-mana yang lebih awal.

**3. Berapakah \*premium yang perlu saya bayar?**

Premium asas yang perlu anda bayar dan tempoh polisi akan berubah mengikut pengunderaitan kami.

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar: < Jumlah Premium >

Tempoh pembayaran premium: sehingga Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 99 pada hari jadi berikut.

Kami memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit-unit dalam dana(-dana) pelaburan yang telah anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada wakil jualan dan perbelanjaan lain kami. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang ditunjukkan dalam ilustrasi jualan.

**\*Sila rujuk mukasurat 1 pada ilustrasi jualan bagi anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar.**

**4. Apakah fi dan bayaran yang perlu saya bayar?**

- Caj-caj insurans akan ditolak daripada nilai-nilai unit anda setiap bulan. Caj-caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat.
- Fi polisi bulanan sebanyak RM6.00 perlu dibayar pada tarikh polisi berkuatkuasa dan setiap ulang bulan yang berikut ketika polisi masih berkuatkuasa bagi setiap mod pembayaran.
- GST dikenakan ke atas manfaat bukan hayat.
- Kos pengedaran langsung untuk premium berkala adalah seperti yang ditunjukkan:

Tahun Polisi	Kos Pengedaran Langsung* (% daripada Premium Asas)
1	20.0
2 hingga 8	5.0
9 hingga 10	2.5

- Kos pengedaran langsung pada Premium Tambahan Tunggal/Berkala adalah seperti yang berikut:

Tahun Polisi	Kos pengedaran langsung * (% Tokokan Premium Sekali/Berkala)
Setiap Tahun	3.75

\*Kos yang diagih langsung kepada saluran pengedaran yang menjual polisi ini merujuk kepada komisen yang dibayar kepada wakil jualan. Anda perlu menanggung kos ini dan kos ini akan dibayar daripada caj-caj yang dikenakan kepada polisi anda.

- Caj pengurusan dana (% daripada nilai dana setiap tahun)

Dana-Dana	Caj Pengurusan Dana
Dana TokioMarine-Enterprise Fund	Maksimum sehingga 1.50%
Dana TokioMarine-Bond Fund	Maksimum sehingga 1.00%
TokioMarine-Dana Ikhtiar	Maksimum sehingga 1.50%
Dana TokioMarine-Managed Fund	Maksimum sehingga 1.50%
Dana TokioMarine-Orient Fund	Maksimum sehingga 1.50%
Dana TokioMarine-Luxury Fund	Maksimum sehingga 1.50%

Fi pertukaran dana: Tiada

Catatan: Maklumat lanjut tentang fi-fi dan caj-caj untuk ILP telah diberikan dalam ilustrasi jualan. Semua fi dan caj adalah tidak dijamin dan akan disemak semula dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari awal kepada anda. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.

#### 5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material seperti keadaan kesihatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi pemberitahuan secara bertulis kepada kami dan memulangkan dokumen polisi dalam tempoh masa 15 hari selepas dokumen polisi diantar ke anda. Apabila pembatalan polisi dibuat, kami akan memulangkan jumlah premium yang tidak diperuntukkan, nilai sebarang unit yang diperuntukkan pada harga unit pada tarikh penilaian berikut, dan sebarang caj insurans dan fi yang telah ditolak, tolak sebarang pembelanjaan yang kami telah kami tanggung (jika ada) semasa mengeluarkan polisi ini, dan polisi anda akan dibatalkan.
- Nilai dana - nilai dana untuk ILP ini bergantung kepada prestasi dana pelaburan yang dipilih. Dengan memilih tahap perlindungan insurans yang lebih tinggi, jumlah unit yang akan ditolak untuk membayar caj-caj insurans akan bertambah, unit yang dikekalkan untuk untuk mengumpul nilai dana akan berkurang di bawah polisi anda.
- Keluputan polisi - ILP ini akan luput apabila nilai-nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj-caj insurans dan caj-caj lain.
- Caj insurans - Kami berhak untuk menyemak caj insurans yang akan dikenakan pada masa pembaharuan dengan memberi anda sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari notis awal bertulis. Sebarang semakan yang dibuat hanya akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya.
- Notis Tuntutan- notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak menguntungkan. Syarat dan terma daripada polisi baru mungkin dikenakan jika taraf kesihatan semasa tidak memuaskan. Jikalau anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan supaya anda mendapatkan nasihat daripada kami sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk syarat dan terma di bawah polisi ini.

#### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Manfaat Kematian
  - bunuh diri dalam satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana-mana yang kemudian; atau
  - Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV).
- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
  - cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman); atau
  - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol yang memabukkan; atau
  - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan; atau
  - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap); atau
  - pelayaran kapal selam; atau
  - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik; atau
  - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
  - sebarang bentuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini; atau
  - peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
  - keadaan yang sedia ada.

Catatan: Senarai adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecuaian di bawah polisi ini.

#### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli ILP berpremium berkala merupakan satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda tidak digalakkan untuk memegang polisi ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika anda mendapati bahawa dana(-dana) yang anda pilih tidak lagi sesuai dengan anda, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Jumlah nilai yang akan kami bayar kepada anda apabila anda membatalkan polisi sebelum kematangan polisi akan kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar melainkan dana(-dana) yang dipilih mempunyai prestasi yang baik.

#### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang "Insurans Berkaitan Pelaburan", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau dapatkan daripada wakil jualan kami atau melayari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.**

**Aras bawah, Menara Tokio Marine Life**

**189, Jalan Tun Razak,**

**50400 Kuala Lumpur.**

**Tel : 03-2059 6188**

**Faks : 03-2162 8068**

**E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)**

## 10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

### MAKLUMAT PENTING:

**INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET-ASET PELABURAN DAN BUKAN SEJENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT BERSESUAIAN DENGAN RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TOKOKAN'. PULANGAN DARI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.**

Pelan insurans ini diunderit oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (457556-X), sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bak Berhad (6171-M) ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada **12/10/2018**.